12 Julai 2013
*12 July 2013*
P.U. (A) 225

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

## PERATURAN-PERATURAN PETUNJUK GEOGRAFI (PINDAAN) 2013

## *GEOGRAPHICAL INDICATIONS (AMENDMENT) REGULATIONS 2013*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000

PERATURAN-PERATURAN PETUNJUK GEOGRAFI (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 32 Akta Petunjuk Geografi 2000 [*Akta 602*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Petunjuk Geografi (Pindaan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2013.

**Pindaan peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Petunjuk Geografi 2001 [*P.U. (A) 247/2001*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan memasukkan sebelum takrif "Pejabat" takrif yang berikut:

""kesalahan boleh daftar" mempunyai erti yang sama diberikan kepadanya dalam Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 [*Akta 7*];".

**Pindaan peraturan 14**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam peraturan 14 dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

"(4) Pendaftar boleh enggan mengiktiraf mana-mana orang sebagai ejen yang tidak pada masa ini terdapat dalam Daftar Ejen Petunjuk Geografi yang disenggarakan di bawah peraturan 14A.".

**Peraturan baru 14A, 14B, 14C dan 14D**

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 14 peraturan yang berikut:



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"**Pendaftaran ejen**

14A. (1) Permohonan untuk didaftarkan sebagai ejen petunjuk geografi hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam Borang PG 15 berserta dengan bayaran fi yang ditetapkan.

(2) Bagi maksud pendaftaran sebagai ejen petunjuk geografi di bawah peraturan ini, pemohon hendaklah memuaskan hati Pendaftar bahawa dia adalah sama ada berdomisil atau bermastautin di Malaysia atau mempunyai tempat perniagaan utama di Malaysia, dan—

*(a)* terdapat dalam Daftar Ejen Paten yang disenggarakan menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Paten 1983 [*Akta 291*];

*(b)* terdapat dalam Daftar Ejen Cap Dagangan yang disenggarakan menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Cap Dagangan 1996 [*Akta 175*];

*(c)* seorang peguam bela dan peguam cara yang beramal di Malaysia;

*(d)* memegang ijazah yang diiktiraf dalam apa-apa bidang pengajian dan mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang diperlukan dalam bidang harta industri; atau

*(e)* mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman dalam bidang harta industri oleh sebab dia ialah seorang bekas pegawai Pejabat itu.

(3) Pendaftar hendaklah, apabila berpuas hati bahawa pemohon memenuhi syarat di bawah subperaturan (2), mendaftarkan pemohon itu selama tempoh yang tamat tiap-tiap tahun pada 31 Disember tahun itu.



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(4) Pendaftar tidak boleh mendaftarkan mana-mana orang yang telah disabitkan atas apa-apa kesalahan boleh daftar atau apa-apa kesalahan jenayah yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran.

**Pemecatan ejen**

14B. Seseorang ejen hendaklah dikeluarkan daripada Daftar Ejen Petunjuk Geografi jika dia—

*(a)* tidak lagi berdomisil atau bermastautin di Malaysia atau tidak lagi mempunyai tempat perniagaan utama di Malaysia;

*(b)* disabitkan atas suatu kesalahan boleh daftar atau apa-apa kesalahan jenayah yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran;

*(c)* seorang bankrap yang belum dilepaskan; atau

*(d)* telah dipotong daripada, dan tidak dimasukkan semula ke dalam, atau digantung pada masa ini daripada Daftar Ejen Paten, Daftar Ejen Cap Dagangan atau Daftarai Peguam Bela dan Peguam Cara.

**Pembaharuan ejen**

14C. (1) Permohonan bagi pembaharuan pendaftaran sebagai ejen petunjuk geografi hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam Borang PG 16 berserta dengan bayaran fi yang ditetapkan selewat-lewatnya pada 31 Januari tiap-tiap tahun.

(2) Pendaftar hendaklah, apabila berpuas hati bahawa syarat yang dinyatakan dalam subperaturan 14A(2) dan (4) terus dipenuhi, membaharui pendaftaran ejen petunjuk geografi itu selama tempoh yang tamat tiap-tiap tahun pada 31 Disember tahun itu.

**Daftar Ejen Petunjuk Geografi**

14D. Pendaftar hendaklah menyenggarakan Daftar Ejen Petunjuk Geografi.”.



Copyright of the Attorney General’s Chambers of Malaysia

**Pindaan peraturan 29**

5. Peraturan 29 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

"(1) Dengan seberapa segera yang boleh selepas habisnya tempoh dua bulan dari tarikh penyiaran permohonan di bawah subperaturan 16(2) dan setelah pembayaran fi pendaftaran dibuat di bawah peraturan 28, Pendaftar hendaklah mendaftarkan petunjuk geografi dan mencatatkan petunjuk geografi itu dalam Daftar mengikut seksyen 19 Akta dan Peraturan-Peraturan ini.".

**Peraturan baru 29A, 29B, 29C, 29D, 29E, 29F dan 29G**

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 29 peraturan yang berikut:

"**Pembaharuan pendaftaran petunjuk geografi**

29A. (1) Permohonan bagi pembaharuan pendaftaran petunjuk geografi hendaklah dibuat oleh tuan punya berdaftar atau ejennya dalam Borang PG 17 berserta dengan bayaran fi yang ditetapkan dalam tempoh tidak kurang dari tiga bulan sebelum habisnya tempoh pendaftaran terakhir petunjuk geografi itu.

(2) Jika orang yang memfailkan Borang PG 17 adalah selain tuan punya berdaftar atau ejen yang diberi kuasanya, orang itu hendaklah mencatatkan dalam borang itu nama dan alamatnya dan hendaklah melampirkan surat kuasa daripada tuan punya berdaftar yang memberinya kuasa untuk membaharui pendaftaran petunjuk geografi.

**Peringatan pembaharuan pendaftaran petunjuk geografi**

29B. (1) Jika pada tarikh tidak kurang dari satu bulan dan tidak lebih dari dua bulan sebelum habisnya tempoh pendaftaran terakhir petunjuk geografi, Borang PG 17 berserta dengan bayaran fi yang ditetapkan belum diterima, Pendaftar hendaklah memberitahu tuan punya berdaftar secara bertulis mengenai tempoh pendaftaran terakhir petunjuk geografi yang akan habis.



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Apa-apa pemberitahuan itu boleh dibuat mengikut subperaturan 12(5).

**Pembaharuan lewat pendaftaran petunjuk geografi**

29C. Jika dalam tempoh enam bulan dari habisnya tempoh pendaftaran terakhir suatu petunjuk geografi fi pembaharuan belum dibayar dan jika Borang PG 18 difailkan berserta dengan bayaran fi pembaharuan lewat, Pendaftar hendaklah membaharui pendaftaran itu tanpa mengeluarkan petunjuk geografi itu daripada Daftar.

**Pengeluaran petunjuk geografi**

29D. Pendaftar hendaklah, apabila habisnya tempoh pendaftaran terakhir suatu petunjuk geografi, mengeluarkan petunjuk geografi itu daripada Daftar jika fi pembaharuan lewat tidak dibayar selewat-lewatnya pada akhir tempoh enam bulan yang disebut dalam peraturan 29C.

**Pemasukan semula petunjuk geografi**

29E. Pendaftar boleh, atas apa-apa syarat yang difikirkannya patut, memasukkan semula petunjuk geografi yang telah dikeluarkan daripada Daftar dan membaharui pendaftarannya jika Borang PG 19 difailkan bersama Borang PG 18 berserta dengan bayaran fi pembaharuan lewat dalam tempoh dua belas bulan dari habisnya tempoh pendaftaran terakhir petunjuk geografi itu.

**Rekod pengeluaran petunjuk geografi**

29F. Jika suatu petunjuk geografi telah dikeluarkan daripada Daftar kerana fi pembaharuan atau fi pembaharuan lewat tidak dibayar, Pendaftar hendaklah mencatatkan dalam Daftar rekod tentang pengeluaran itu dan sebab pengeluaran itu dan hendaklah mengiklankan fakta pengeluaran itu dalam *Warta*.



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

**Notis dan iklan pemasukan semula petunjuk geografi**

29G. Pendaftar hendaklah, selepas pemasukan semula suatu petunjuk geografi, memberitahu tuan punya berdaftar mengenai pemasukan semula itu dan mengiklankan pemasukan semula itu dalam *Warta*.".

**Pindaan Jadual Pertama**

7. Jadual Pertama Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Bahagian I dengan memasukkan selepas butiran 14 butiran yang berikut:

| "*Borang PG* | *Perkara atau Prosiding* | *Fi* RM |
|---|---|---|
| 15. | Permohonan bagi pendaftaran ejen petunjuk geografi | 500.00 |
| 16. | Permohonan bagi pembaharuan pendaftaran ejen petunjuk geografi | 150.00 |
| 17. | Permohonan bagi pembaharuan pendaftaran petunjuk geografi | 420.00 |
| 18. | Permohonan bagi pembaharuan lewat pendaftaran petunjuk geografi". | 630.00 |

**Pindaan Jadual Kedua**

8. Jadual Kedua Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

*(a)* dengan memasukkan selepas butiran 14 butiran yang berikut:

" 15. Permohonan bagi pendaftaran ejen petunjuk geografi

16. Permohonan bagi pembaharuan pendaftaran ejen petunjuk geografi



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

17. Permohonan bagi pembaharuan pendaftaran ejen petunjuk geografi

18. Permohonan bagi pembaharuan lewat pendaftaran petunjuk geografi

19. Permohonan bagi pemasukan semula pendaftaran petunjuk geografi";

*(b)* dengan menggantikan Borang PG 1 dengan Borang yang berikut:

"PEJABAT PETUNJUK GEOGRAFI PUSAT MALAYSIA
PEJABAT PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI

PG 1

AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000
PERATURAN-PERATURAN PETUNJUK GEOGRAFI 2001

<table>
<tr><td rowspan="2">PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI<br>[Subperaturan 6(1)]<br><br>KEPADA : Pendaftar Petunjuk Geografi<br>Pejabat Petunjuk Geografi Pusat<br>Kuala Lumpur, Malaysia</td><td>Untuk Kegunaan Rasmi :<br><br>Tarikh diterima oleh<br>Pejabat Petunjuk Geografi Pusat :<br><br>NO. PERMOHONAN :<br><br>(Cap Pejabat)<br><br>Tarikh fi diterima :<br><br>Amaun :</td></tr>
<tr><td>Rujukan fail pemohon atau ejen</td></tr>
</table>



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

**PERMOHONAN PEMOHON BAGI PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI BERKENAAN DENGAN BUTIR-BUTIR YANG BERIKUT**:

I. Nama penuh dan alamat pemohon: ……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

(Jika pemohon bermastautin di luar negeri, alamat penyampaian di Malaysia hendaklah diberikan)

Kerakyatan:

Negara bermastautin atau tempat perniagaan utama:

Sifat pemohon yang memohon untuk pendaftaran:

No. Tel.: Alamat Telegraf: No. Teleks: No. Faks:

II. Nama penuh dan alamat ejen (jika ada): ……………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

(Jika ini ialah alamat penyampaian dan belum ada dalam rekod, Borang PG 2 hendaklah difailkan bersama Borang ini)

No. Pendaftaran Ejen (jika diketahui): …………………………………………………………

No. Rujukan Ejen: …………………………………………………………

No. Tel.: Alamat Telegraf: No. Teleks: No. Faks:

III. PETUNJUK GEOGRAFI

Petunjuk geografi yang memerlukan pendaftaran adalah seperti yang berikut:

IV. KAWASAN GEOGRAFI

Berikut ialah pemisahan wilayah bagi Negara, atau kawasan, atau tempat dalam wilayah itu, yang kepadanya petunjuk geografi terpakai, dan darinya barang yang petunjuk geografi itu



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

digunakan berasal:

Maklumat tambahan, mungkin dalam bentuk gambar rajah, peta, dsb.:

☐ Disertakan bersama Borang ini

V. BARANG

Barang yang baginya petunjuk geografi digunakan adalah seperti yang berikut:

VI. PERIHAL KELUARAN

☐ Maklumat tambahan disertakan bersama Borang ini

| | |
|---|---|
| a. | Warna: |
| b. | Bentuk: |
| c. | Tekstur: |
| d. | Saiz: |
| e. | Berat: |
| f. | Rasa: |

VII. KUALITI, REPUTASI ATAU CIRI LAIN

Kualiti, reputasi atau ciri lain barang yang baginya petunjuk geografi digunakan, dan apa-apa syarat yang di bawahnya petunjuk boleh digunakan adalah seperti yang berikut:

☐ Maklumat tambahan disertakan bersama Borang ini

VIII. BUKTI ASAL

☐ Maklumat tambahan disertakan bersama Borang ini



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | |
|---|---|
| IX. | HUBUNGAN BERSEBAB ANTARA BIDANG GEOGRAFI DAN KUALITI KHUSUS, REPUTASI ATAU CIRI LAIN KELUARAN (CONTOH: KEADAAN TANAH, CIRI IKLIM, FAKTOR MANUSIA, REPUTASI KELUARAN)<br><br>☐ Maklumat tambahan disertakan bersama Borang ini |
| X. | LANGKAH KHUSUS DALAM PENGELUARAN YANG MESTI DIAMBIL DALAM KAWASAN GEOGRAFI YANG DIKENAL PASTI (CONTOH: PENYEDIAAN TANAH, PEMILIHAN DAN RAWATAN BENIH, PENANAMAN BENIH DAN PENGURUSAN LADANG (CONTOH: KAEDAH PEMBAJAAN, PENUAIAN, PENYIMPANAN, DLL.)<br><br>☐ Maklumat tambahan disertakan bersama Borang ini |
| XI. | PERIHAL PELABELAN (JIKA ADA) |
| XII. | ANUGERAH/PENGIKTIRAFAN DARIPADA BADAN YANG DIBERI KUASA (JIKA ADA) CONTOH: JAKIM, SIRIM |
| XIII. | BADAN PEMERIKSA/PIHAK BERKUASA YANG MENGESAHKAN PEMATUHAN KEPADA SPESIFIKASI DAN KUALITI KELUARAN (JIKA ADA) |
| XIV. | LAIN-LAIN (jika ada) |
| XV. | FI<br><br>☐ Disertakan bersama borang ini |
| XVI. | AKUAN<br><br>Tandatangan: ………………………………………………………………………………<br><br>Nama penandatangan (dalam huruf besar): ………………………………………………………<br><br>Tarikh: ……………………………………………………………………………… |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| |
|---|
| (Jika pemohon ialah pekongsi, nama penuh semua pekongsi hendaklah dinyatakan)<br><br>Catatan: 1. Suatu salinan akuan berkanun oleh pemohon hendaklah dikepilkan.<br><br>2. Seseorang ejen yang menandatangani Borang ini bagi pihak pemohon hendaklah memuaskan hatinya sendiri tentang kesahihan akuan itu. |

";

*(c)* dengan memasukkan selepas Borang PG 14 Borang yang berikut:

"PEJABAT PETUNJUK GEOGRAFI PUSAT MALAYSIA

PEJABAT PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI

PG 15

AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000

PERATURAN-PERATURAN PETUNJUK GEOGRAFI 2001

| | |
|---|---|
| PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN EJEN PETUNJUK GEOGRAFI<br>[Subperaturan 14A(2)]<br><br>KEPADA: Pendaftar Petunjuk Geografi<br>Pejabat Petunjuk Geografi Pusat<br>Kuala Lumpur, Malaysia | Untuk Kegunaan Rasmi:<br><br>Tarikh diterima oleh<br>Pejabat Petunjuk Geografi Pusat:<br><br>Tarikh fi diterima:<br><br>Amaun: |
| | Rujukan fail pemohon atau ejen |
| I. PEMOHON<br>Nama:<br>Alamat:<br>Warganegara:<br>Alamat tetap atau alamat utama perniagaan:<br>No. Tel.:<br>No. Faks: | |
| II. KELAYAKAN<br>(Sila lampirkan salinan kelayakan yang telah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah) | |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

III. PENGALAMAN
(Sila kemukakan dalam bentuk akuan berkanun)

IV. AKUAN
Saya dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan di atas adalah betul dan benar.

Tandatangan:
Tarikh:

PEJABAT PETUNJUK GEOGRAFI PUSAT MALAYSIA

PEJABAT PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI

PG 16

AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000

PERATURAN-PERATURAN PETUNJUK GEOGRAFI 2001

| | |
|---|---|
| PERMOHONAN BAGI PEMBAHARUAN PENDAFTARAN EJEN PETUNJUK GEOGRAFI<br>[Subperaturan 14C(1)]<br><br>KEPADA : Pendaftar Petunjuk Geografi<br>Pejabat Petunjuk Geografi Pusat<br>Kuala Lumpur, Malaysia | Untuk Kegunaan Rasmi:<br><br>Tarikh diterima oleh<br>Pejabat Petunjuk Geografi Pusat:<br><br>Tarikh fi diterima:<br><br>Amaun: |
| | Rujukan fail pemohon atau ejen |

I. PEMOHON
Nama:
Alamat:
Warganegara:
Alamat tetap atau alamat utama perniagaan:
No. Tel.:
No. Faks:

II. KELAYAKAN
(Sila sertakan salinan kelayakan yang diperakui oleh Pesuruhanjaya Sumpah)



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | | |
|---|---|---|
| III. | MAKLUMAT TAMBAHAN (dilampirkan bersama Borang ini):<br>Ya ☐ Tidak ☐ | |
| IV. | AKUAN<br>Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan betul.<br><br>Tandatangan:<br>Tarikh: | |

PG 17

PEJABAT PETUNJUK GEOGRAFI PUSAT MALAYSIA

PEJABAT PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI

AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000

PERATURAN-PERATURAN PETUNJUK GEOGRAFI 2001

| | |
|---|---|
| PERMOHONAN BAGI PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI<br>[Subperaturan 29A(1)]<br><br>KEPADA: Pendaftar Petunjuk Geografi<br>Pejabat Petunjuk Geografi Pusat<br>Kuala Lumpur, Malaysia | Untuk Kegunaan Rasmi:<br><br>Tarikh diterima oleh<br>Pejabat Petunjuk Geografi Pusat:<br><br>Tarikh fi diterima:<br><br>Amaun: |
| | Rujukan fail pemohon atau ejen |
| No. Petunjuk Geografi: | |
| Kelas: | |
| Saya/Kami/Ejen<br>kepada—<br><br>dengan ini memohon untuk membaharui pendaftaran di atas. Fi pembaharuan bersama ini dilampirkan. (Cek/Tunai)<br><br>Tandatangan: ………………………………………………………… Tuan Punya<br><br>………………………………………………………….. Ejen<br>Tarikh: | |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| |
|---|
| Catatan:<br><br>- Jika ejen baru dilantik, sila failkan Borang PG 2.<br>- Surat kuasa hendaklah disertakan jika pemohon adalah selain tuan punya berdaftar atau ejen.<br>- Suatu perwakilan tanda hendaklah disertakan bersama permohonan. |

PEJABAT PETUNJUK GEOGRAFI PUSAT MALAYSIA

PEJABAT PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI

PG 18

AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000

PERATURAN-PERATURAN PETUNJUK GEOGRAFI 2001

| | |
|---|---|
| PERMOHONAN BAGI PEMBAHARUAN LEWAT PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI<br>[Subperaturan 29C]<br><br>KEPADA: Pendaftar Petunjuk Geografi<br>Pejabat Petunjuk Geografi Pusat<br>Kuala Lumpur, Malaysia | Untuk Kegunaan Rasmi:<br><br>Tarikh diterima oleh<br>Pejabat Petunjuk Geografi Pusat:<br><br>Tarikh fi diterima:<br><br>Amaun: |
| | Rujukan fail pemohon atau ejen |
| No. Petunjuk Geografi: | |
| Kelas: | |
| Saya/Kami/Ejen<br>kepada—<br><br>dengan ini memohon untuk membaharui pendaftaran di atas. Fi pembaharuan lewat bersama ini dilampirkan. (Cek/Tunai)<br><br>Tandatangan: ………………………………………………………… Tuan punya<br><br>………………………………………………………… Ejen<br>Tarikh:<br><br>Catatan:<br><br>- Jika ejen baru dilantik, sila failkan Borang PG 2. | |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

PEJABAT PETUNJUK GEOGRAFI PUSAT MALAYSIA

PEJABAT PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI

PG 19

AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000

PERATURAN-PERATURAN PETUNJUK GEOGRAFI 2001

| | |
|---|---|
| PERMOHONAN BAGI PEMASUKAN SEMULA PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI<br><br>[Subperaturan 29E]<br><br>KEPADA: Pendaftar Petunjuk Geografi<br>Pejabat Petunjuk Geografi Pusat<br>Kuala Lumpur, Malaysia | Untuk Kegunaan Rasmi:<br><br>Tarikh diterima oleh<br>Pejabat Petunjuk Geografi Pusat:<br><br>Tarikh fi diterima:<br><br>Amaun: |
| | Rujukan fail pemohon atau ejen |
| Nombor Petunjuk Geografi: | |
| Kelas: | |
| Saya/Kami/Ejen<br>kepada—<br><br>dengan ini memohon untuk memasukkan semula pendaftaran di atas. Borang PG 18 dan fi pembaharuan lewat juga bersama ini dilampirkan.<br>(Cek/Tunai)<br><br>Tandatangan: ………………………………………………………… Tuan Punya<br><br>………………………………………………………….. Ejen<br>Tarikh:<br>Catatan:<br>- Jika ejen baru dilantik, sila failkan Borang PG 2. | |

"

Dibuat 4 Julai 2013
[KPDNKK(MYIPO); PN(PU2)618]

DATO' HAJI HASAN BIN MALEK
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

GEOGRAPHICAL INDICATIONS ACT 2000

GEOGRAPHICAL INDICATIONS (AMENDMENT) REGULATIONS 2013

IN exercise of the powers conferred by section 32 of the Geographical Indications Act 2000 [*Act 602*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Geographical Indications (Amendment) Regulations 2013**.

(2) These Regulations come into operation on 15 July 2013.

**Amendment of regulation 2**

2. The Geographical Indications Regulations 2001 [*P.U. (A) 247/2001*], which are referred to as the "principal Regulations" in these Regulations, are amended in regulation 2 by inserting before the definition of "Office" the following definition:

""registrable offence" has the same meaning assigned to it in the Registration of Criminals and Undesirable Persons Act 1969 [*Act 7*];".

**Amendment of regulation 14**

3. The principal regulations are amended in regulation 14 by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

"(4) The Registrar may decline to recognize any person as an agent who is not currently in the Register of Geographical Indications Agents maintained under regulation 14A.".

**New regulations 14A, 14B, 14C and 14D**

4. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 14 the following regulations:



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"**Registration of agents**

14A. (1) An application to be registered as a geographical indication agent shall be made to the Registrar in Form GI 15 accompanied by payment of the prescribed fee.

(2) For the purpose of registration as a geographical indication agent under this regulation, the applicant shall satisfy the Registrar that he is either domiciled or resident in Malaysia or has a principal place of business in Malaysia, and—

*(a)* is in the Register of Patents Agents maintained pursuant to the regulations made under the Patents Act 1983 [*Act 291*];

*(b)* is in the Register of Trade Marks Agents maintained pursuant to the regulations made under the Trade Marks Act 1976 [*Act 175*];

*(c)* is an advocate and solicitor practising in Malaysia;

*(d)* holds a recognized degree in any field of studies and has acquired the necessary knowledge or experience in the field of industrial property; or

*(e)* has at least three years of experience in the field of industrial property by virtue of him being an ex-officer of the Office.

(3) The Registrar shall, upon being satisfied that the applicant fulfills the conditions under subregulation (2), register the applicant for a term expiring every year on the 31 December of that year.



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(4) The Registrar shall not register any person who has been convicted of any registrable offence or any criminal offence involving fraud or dishonesty.

**Removal of agents**

14B. An agent shall be removed from the Register of Geographical Indications Agent if he—

*(a)* is no longer domiciled or resident in Malaysia or no longer has a principal place of business in Malaysia;

*(b)* is convicted of a registrable offence or any criminal offence involving fraud or dishonesty;

*(c)* is an undischarged bankrupt; or

*(d)* has been struck off from, and not restored to, or is suspended for the time being from the Register of Patents Agents, the Register of Trade Marks Agents or the Roll of Advocates and Solicitors.

**Renewal of agents**

14C. (1) An application for the renewal of registration as a geographical indication agent shall be made to the Registrar in Form GI 16 accompanied by payment of the prescribed fee by 31 January of every year.

(2) The Registrar shall, upon being satisfied that the conditions specified in subregulations 14A(2) and (4) continue to be satisfied, renew the registration of the geographical indication agent for a term expiring every year on 31 December of that year.

**Register of Geographical Indications Agents**

14D. The Registrar shall maintain a Register of Geographical Indications Agents.".



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

**Amendment of regulation 29**

5. Regulation 29 of the principal Regulations are amended by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

"(1) As soon as may be after the expiration of two months from the date of the publication of the application under subregulation 16(2) and upon payment of the registration fee under regulation 28, the Registrar shall register the geographical indication and enter the geographical indication in the Register in accordance with section 19 of the Act and these Regulations.".

**New regulations 29A, 29B, 29C, 29D, 29E, 29F and 29G**

6. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 29 the following regulations:

"**Renewal of registration of geographical indication**

29A. (1) An application for the renewal of the registration of a geographical indication shall be made by the registered proprietor or his agent in Form GI 17 accompanied by payment of the prescribed fee within a period of not less than three months before the expiration of the last registration of the geographical indication.

(2) If the person who files Form GI 17 is other than the registered proprietor or his authorized agent, the person shall enter in the form his name and address and shall attach a letter of authority from the registered proprietor authorizing him to renew the registration of the geographical indication.

**Reminder of renewal of registration of geographical indication**

29B. (1) If on a date of not less than one month and not more than two months before the expiration of the last registration of a geographical indication, Form GI 17 accompanied by payment of the prescribed fee has not been received, the Registrar shall notify the registered proprietor in writing of the impending expiration of the last registration of a geographical indication.



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Any such notification may be made in accordance with subregulation 12(5).

**Late renewals of registration of geographical indication**

29C. If within six months from the expiration of the last registration of a geographical indication the renewal fee has not been paid and if Form GI 18 is filed accompanied by payment of the late renewal fee, the Registrar shall renew the registration without removing the geographical indication from the Register.

**Removal of geographical indication**

29D. The Registrar shall, on the expiration of the last registration of a geographical indication, remove the geographical indication from the Register if the late renewal fee has not been paid by the end of the period of six months referred to in regulation 29C.

**Restoration of geographical indication**

29E. The Registrar may, upon such conditions as he may think fit, restore the geographical indication that has been removed from the Register and renew its registration if Form GI 19 is filed together with Form GI 18 accompanied by payment of the late renewal fee within twelve months from the expiry of the last registration of a geographical indication.

**Record of removal of geographical indication**

29F. Where a geographical indication has been removed from the Register for non-payment of the renewal fee or late renewal fee, the Registrar shall enter in the Register a record of such removal and the cause of the removal and shall advertise the fact of the removal in the *Gazette.*

**Notice and advertisement of restoration of geographical indication**

29G. The Registrar shall, upon the restoration of a geographical indication, notify the registered proprietor of such restoration and advertise such restoration in the *Gazette*.”.



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

**Amendment of First Schedule**

7. The First Schedule of the principal Regulations is amended in Part I by inserting after item 14 the following items:

| *"Form GI* | *Matters or Proceedings* | *Fee* RM |
|---|---|---|
| 15. | Application for registration of a geographical indication agent | 500.00 |
| 16. | Application for renewal of registration of a geographical indication agent | 150.00 |
| 17. | Application for renewal of registration of a geographical indication | 420.00 |
| 18. | Application for late renewal of registration of a geographical indication". | 630.00 |

**Amendment of Second Schedule**

8. The Second Schedule to the principal Regulations is amended—

*(a)* by inserting after item 14 the following items:

"15. Application for registration of a geographical indication agent

16. Application for renewal of registration of a geographical indication agent

17. Application for renewal of registration of a geographical indication

18. Application for late renewal of registration of a geographical indication



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

19. Application for restoration of registration of a geographical indication”;

*(b)* by substituting for Form GI 1 the following Form:

“CENTRAL GEOGRAPHICAL INDICATIONS OFFICE MALAYSIA
GEOGRAPHICAL INDICATIONS REGISTRY

GI 1

GEOGRAPHICAL INDICATIONS ACT 2000
GEOGRAPHICAL INDICATIONS REGULATIONS 2001

<table>
<tr><td rowspan="2">APPLICATION FOR REGISTRATION OF A GEOGRAPHICAL INDICATION<br>[Subregulation 6(1)]<br><br>TO: The Registrar of Geographical Indications<br>Central Geographical Indications Office<br>Kuala Lumpur, Malaysia</td><td>For Official Use:<br><br>Date of receipt by<br>Central Geographical Indications Office:<br><br>APPLICATION NO.:<br><br>(Office’s Stamp)<br><br>Date of fees received:<br><br>Amount:</td></tr>
<tr><td>Applicant’s or agent’s file reference</td></tr>
</table>



Copyright of the Attorney General’s Chambers of Malaysia

**THE APPLICATION OF THE APPLICANT FOR THE REGISTRATION OF A GEOGRAPHICAL INDICATION IN RESPECT OF THE FOLLOWING PARTICULARS**:

I. Full name and address of applicant: ……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………………
(If the applicant resides abroad, an address for service in Malaysia shall be provided)

Nationality:

Country of residence or principal place of business:

Capacity in which applicant is applying for registration:

Tel. No.: Telegraphic Address: Telex No.: Fax No.:

II. Full name and address of agent (if any): ……………………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………………………………………………………………....
(If this is the address for service and is not yet in record, Form GI 2 shall be filed with this Form)

Agent's Registration No. (if known): …………………………………………………..

Agent's Own Reference: ………………………………………………………………………

Tel. No.: Telegraphic Address: Telex No.: Fax No.:

III. GEOGRAPHICAL INDICATION

The geographical indication for which registration is sought such as follows:



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

IV. GEOGRAPHICAL AREA

The following is the demarcation of the territory of the Country, or region, or locality in that territory, to which the geographical indication applies, and from which the goods for which the geographical indication is used originate:

Additional information, possibly in graphic forms, maps, *etc.*:

☐ Accompanies this Form

V. GOODS

The goods for which the geographical indication is used are as follows:

VI. DESCRIPTION OF PRODUCT

☐ Additional information accompanies this Form

| | |
|---|---|
| a. | Colour: |
| b. | Shape: |
| c. | Texture: |
| d. | Size: |
| e. | Weight: |
| f. | Taste: |

VII. QUALITY, REPUTATION OR OTHER CHARACTERISTIC

The quality, reputation or other characteristics of the goods for which the geographical indication is used, and any conditions under which the indication may be used are as follows:

☐ Additional information accompanies this Form



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | |
|---|---|
| VIII. | PROOF OF ORIGIN<br><br>☐ Additional information accompanies this Form |
| IX. | CAUSAL LINK BETWEEN THE GEOGRAPHICAL AREA AND A SPECIFIC QUALITY, THE REPUTATION OR OTHER CHARACTERISTICS OF THE PRODUCT (*E.G.*: SOIL CONDITION, CLIMATE CHARACTERISTICS, HUMAN FACTOR, PRODUCT REPUTATION)<br><br>☐ Additional information accompanies this Form |
| X. | SPECIFIC STEPS IN PRODUCTION THAT MUST TAKE PLACE IN THE IDENTIFIED GEOGRAPHICAL AREA (*E.G.*: SOIL PREPARATION, SELECTION AND TREATMENT OF SEED, SEED PLANTING AND FIELD MANAGEMENT (*E.G.*: METHODS OF FERTILIZING, HARVESTING, STORING, *ETC.*)<br><br>☐ Additional information accompanies this Form |
| XI. | DESCRIPTION OF LABELLING (IF ANY) |
| XII. | AWARD/RECOGNITION FROM AUTHORIZED BODY (IF ANY) *E.G.*: JAKIM, SIRIM |
| XIII. | INSPECTION BODIES/AUTHORITIES VERIFYING COMPLIANCE WITH THE PRODUCT SPECIFICATION AND QUALITY (IF ANY) |
| XIV. | OTHERS (if any) |
| XV. | FEES<br><br>☐ Accompanies this Form |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| XVI. DECLARATION |
|---|
| Signature: ......................................................................................... |
| Name of signatory (in block letters): ............................................................. |
| Date: ......................................................................................... |
| (If the applicant is a partnership, the full names of all partners shall be stated) |
| Note: 1. A copy of the statutory declaration by the applicant shall be attached. |
| 2. An agent signing this Form on behalf of the applicant shall satisfy himself as to the truth of the declaration. |

";

*(c)* by inserting after Form GI 14 the following Forms:

GI 15

"CENTRAL GEOGRAPHICAL INDICATIONS OFFICE MALAYSIA
GEOGRAPHICAL INDICATIONS REGISTRY

GEOGRAPHICAL INDICATIONS ACT 2000
GEOGRAPHICAL INDICATIONS REGULATIONS 2001

| | |
|---|---|
| APPLICATION FOR REGISTRATION OF A GEOGRAPHICAL INDICATION AGENT<br>[Subregulation 14A(2)]<br><br>TO: The Registrar of Geographical Indications<br>Central Geographical Indications Office<br>Kuala Lumpur, Malaysia | For Official Use:<br><br>Date of receipt by<br>Central Geographical Indications Office:<br><br>Date of fees received:<br>Amount: |
| | Applicant's or agent's file reference |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | |
|---|---|
| I. | APPLICANT<br>Name:<br>Address:<br>Nationality:<br>Permanent residence or principal place of business:<br>Tel. No.:<br>Fax No.: |
| II. | QUALIFICATIONS<br>(Please attach copies of qualifications certified by a Commissioner for Oath) |
| III. | EXPERIENCE<br>(Please submit in the form of statutory declaration) |
| IV. | DECLARATION<br>I hereby declare that all the information given above are true and correct.<br><br>Signature:<br>Date: |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

CENTRAL GEOGRAPHICAL INDICATIONS OFFICE MALAYSIA

GEOGRAPHICAL INDICATIONS REGISTRY

GI 16

GEOGRAPHICAL INDICATIONS ACT 2000

GEOGRAPHICAL INDICATIONS REGULATIONS 2001

| | |
|---|---|
| APPLICATION FOR RENEWAL OF REGISTRATION OF A GEOGRAPHICAL INDICATION AGENT<br>[Subregulation 14C(1)]<br><br>TO: The Registrar of Geographical Indications<br>Central Geographical Indications Office<br>Kuala Lumpur, Malaysia | For Official Use:<br><br>Date of receipt by<br>Central Geographical Indications Office:<br><br>Date of fees received:<br><br>Amount: |
| | Applicant's or agent's file reference |

I. APPLICANT

Name:
Address:
Nationality:
Permanent residence or principal place of business:
Tel. No.:
Fax No.:

II. QUALIFICATIONS
(Please attach copies of qualifications certified by a Commissioner for Oath)

III. ADDITIONAL INFORMATION (accompanies this Form):

Yes □ No □

IV. DECLARATION
I hereby declare that all the information given above are true and correct.

Signature:
Date:



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

CENTRAL GEOGRAPHICAL INDICATIONS OFFICE MALAYSIA

GEOGRAPHICAL INDICATIONS REGISTRY

GI 17

GEOGRAPHICAL INDICATIONS ACT 2000

GEOGRAPHICAL INDICATIONS REGULATIONS 2001

| | |
|---|---|
| APPLICATION FOR RENEWAL OF REGISTRATION OF A GEOGRAPHICAL INDICATION<br>[Subregulation 29A(1)]<br><br>TO: The Registrar of Geographical Indications<br>Central Geographical Indications Office<br>Kuala Lumpur, Malaysia | For Official Use:<br><br>Date of receipt by<br>Central Geographical Indications Office:<br><br>Date of fees received:<br><br>Amount: |
| | Applicant's or agent's file reference |
| Geographical Indication No: | |
| Class: | |
| I/We/Agent<br>of—<br><br>hereby apply to renew the above registration. Renewal fee is enclosed herewith.<br>(Cheque/ Cash)<br><br>Signature: ………………………………………………………… Proprietor<br><br>………………………………………………………. Agent<br>Date :<br>Note:<br><br>- If the agent is newly appointed, please file Form GI 2.<br>- A letter of authority shall be attached if the applicant is other than the registered proprietor or the agent.<br>- A representation of the mark shall accompany the application. | |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

CENTRAL GEOGRAPHICAL INDICATIONS OFFICE MALAYSIA

GEOGRAPHICAL INDICATIONS REGISTRY

GI 18

GEOGRAPHICAL INDICATIONS ACT 2000

GEOGRAPHICAL INDICATIONS REGULATIONS 2001

<table>
<tr><td rowspan="2">APPLICATION FOR LATE RENEWAL OF REGISTRATION OF A GEOGRAPHICAL INDICATION<br>[Subregulation 29C]<br><br>TO: The Registrar of Geographical Indications<br>Central Geographical Indications Office<br>Kuala Lumpur, Malaysia</td><td>For Official Use:<br><br>Date of receipt by<br>Central Geographical Indications Office:<br><br>Date of fees received:<br><br>Amount:</td></tr>
<tr><td>Applicant’s or agent’s file reference</td></tr>
<tr><td colspan="2">Geographical Indication No.:</td></tr>
<tr><td colspan="2">Class:</td></tr>
<tr><td colspan="2">I/We/Agent<br>of—<br><br>hereby apply to renew the above registration. Late renewal fee is enclosed herewith.<br>(Cheque/ Cash)<br><br>Signature: ………………………………………………………… Proprietor<br><br>………………………………………………………….. Agent<br>Date :<br>Note:<br>- If the agent is newly appointed, please file Form GI 2.</td></tr>
</table>



Copyright of the Attorney General’s Chambers of Malaysia

CENTRAL GEOGRAPHICAL INDICATIONS OFFICE MALAYSIA

GEOGRAPHICAL INDICATIONS REGISTRY

GI 19

GEOGRAPHICAL INDICATIONS ACT 2000

GEOGRAPHICAL INDICATIONS REGULATIONS 2001

<table>
<tr><td>APPLICATION FOR RESTORATION OF REGISTRATION OF A GEOGRAPHICAL INDICATION<br>[Subregulation 29E]<br><br>TO: The Registrar of Geographical Indications<br>Central Geographical Indications Office<br>Kuala Lumpur, Malaysia</td><td>For Official Use:<br><br>Date of receipt by<br>Central Geographical Indications Office:<br><br>Date of fees received:<br>Amount:<br><br>Applicant’s or agent’s file reference</td></tr>
<tr><td colspan="2">Geographical Indication No.:</td></tr>
<tr><td colspan="2">Class:</td></tr>
<tr><td colspan="2">I/We/Agent<br>of—<br><br>hereby apply to restore the above registration. Form GI 18 and the late renewal fee are also enclosed herewith. (Cheque/Cash)<br><br>Signature: ………………………………………………………. Proprietor<br><br>………………………………………………………. Agent<br>Date :<br>Note:<br><br>- If the agent is newly appointed, please file Form GI 2.</td></tr>
</table>

”.



Copyright of the Attorney General’s Chambers of Malaysia

Made 4 July 2013
[KPDNKK (MYIPO); PN(PU2)618]

DATO' HAJI HASAN BIN MALEK
*Minister of Domestic Trade Co-operatives and Consumerism*



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia